

Larian Eco

Campus

UMS buka

penyertaan

UB 16.10.2014 A14

**Oleh VITALIS G.
BINGKASAN**

KOTA KINABALU: Orang ramai dipelawa menyertai Larian Eco Campus Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena ulang tahun ke-20 institusi pengajian tinggi itu pada 16 November depan.

Larian dibahagikan kepada kategori senior lelaki dan wanita, veteran lelaki (45 tahun ke atas), veteran wanita (38 tahun ke atas) dan murid sekolah 18 tahun ke bawah.

Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraaf Fong berkata, peserta senior dan veteran dikenakan yuran penyertaan RM35 manakala murid sekolah RM25.

“Sempena dengan larian ini kami menyediakan baju larian untuk 400 peserta pertama mendaftar penyertaan.

“Sehubungan dengan itu kami mengalu-alukan orang ramai yang ingin menyertai larian ini mendaftarkan penyertaan secepat mungkin,” kata Asyraaf sambil memberitahu bahawa tarikh tutup penyertaan adalah pada 12 November.

Katanya, larian itu adalah antara aktiviti kemasyarakatan UMS sempena dengan ulang tahun institusi pengajian tinggi itu.

“Ini adalah antara aktiviti kemasyarakatan UMS mengajak orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan khususnya larian,” katanya.

Menurutnya, larian itu menyediakan pelbagai hadiah menarik termasuk wang tunai, medal dan sijil.

Untuk keterangan lanjut diminta menghubungi Macson Enrico (0145796685), Douglas Eric (0138794631), Shereillyn Elly Pius (0146025579) atau menghubungi Pusat Sukan (088320000-samb 3158).